



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA


KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL*

Pelawaan ini terbuka kepada syarikat tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

Bil.	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	SYARAT PENYERTAAN PELAWAAN	TARIKH DAN WAKTU UTAMA DIBUKA	TARIKH DAN WAKTU UTAMA DITUTUP
1.	No. Perolehan: JBSN:S.400-5/8/1 (1) <i>Request for Proposal (RFP)</i> bagi Perkhidmatan Produksi, Penyiaran dan Publisiti Program Realiti Televisyen Rakan Muda	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Dalam Semua Kod Bidang Berikut: (i) 221301 (Pengeluaran Filem) (ii) 010504 (Filem Siap Untuk Tayangan)	Tarikh Mula Iklan: 14 Mac 2025 (Jumaat) Tarikh Taklimat RFP: 19 Mac 2025 (Rabu) jam 10.30 pagi Tempat Taklimat: Bilik Mesyuarat Aras 4, Menara KBS Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62570 WP Putrajaya (Kehadiran pembida ke sesi taklimat adalah WAJIB bagi memahami skop dan penyediaan dokumen)	Tarikh Tamat Iklan : 8 April 2025 (Selasa) jam 12.00 tengah hari

1. Pembida yang ingin menyertai pelawaan ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas.
2. Hanya penama yang terdapat dalam sijil pendaftaran seperti dalam syarat penyertaan pelawaan sahaja dibenarkan untuk menghadiri taklimat.
3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan urus setia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
4. Kerajaan tidak terikat untuk melantik mana-mana syarikat berdasarkan cadangan *Request for Proposal* (RFP) yang dikemukakan oleh Pembida.
5. Kerajaan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
6. Pihak Kerajaan boleh mengadakan rundingan dengan pihak syarikat sebelum tawaran dibuat
7. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "CADANGAN TEKNIKAL RFP RM" dan "CADANGAN KEWANGAN RFP RM" di penjuru kanan sampul dan dialamatkan kepada:

**KETUA SETIAUSAHA,
ARAS 2, MENARA KBS,
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
NO 27 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570 PUTRAJAYA
(u.p: CAWANGAN PEROLEHAN, JBSN)**



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA**

DOKUMEN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)

NO PEROLEHAN: JBSN:S.400-5/8/1 (1)

***REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) BAGI PERKHIDMATAN
PRODUKSI, PENYIARAN DAN PUBLISITI PROGRAM REALITI
TELEVISYEN RAKAN MUDA**

**KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Kementerian Belia dan Sukan mempelawa mana-mana Pembida yang berminat untuk mengemukakan Kertas Cadangan *Request for Proposal* (RFP) bagi Perolehan seperti mana maklumat berikut:

TAJUK : ***REQUEST FOR PROPOSAL*** (RFP) BAGI
PERKHIDMATAN PRODUKSI, PENYIARAN DAN
PUBLISITI PROGRAM REALITI TELEVISYEN
RAKAN MUDA

KELAYAKAN : **BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DALAM SEMUA
KOD BIDANG BERIKUT:**

- (i) 221301 (Pengeluaran Filem)
- (ii) 010504 (Filem Siap Untuk Tayangan)

TARIKH MULA IKLAN : 14 MAC 2025 (JUMAAT)

TARIKH TAMAT IKLAN : 8 APRIL 2025 (SELASA) jam 12.00 tengah hari

TARIKH TAKLIMAT RFP : 19 MAC 2025 (RABU) jam 10.30 pagi

TEMPAT TAKLIMAT : BILIK MESYUARAT ARAS 4, MENARA KBS
PRESINT 4, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN 62570 WP PUTRAJAYA

(Kehadiran pembida ke sesi taklimat adalah **WAJIB**
bagi memahami skop dan penyediaan dokumen)

1. OBJEKTIF

Tujuan bagi melaksanakan RFP ini adalah **untuk mendapatkan cadangan daripada Pembida** yang berkelayakan untuk mencadangkan kandungan dan kaedah pelaksanaan bagi Perkhidmatan Produksi, Penyiaran dan Publisiti Program Realiti Televisyen Rakan Muda pada tahun 2025 di Kementerian Belia dan Sukan.

2. EKSPEKTASI JABATAN TERHADAP PEMBEKAL

Penyediaan program realiti televisyen yang mengetengahkan bakat belia daripada pelbagai bangsa di seluruh Malaysia;

- 2.1. Penyediaan program realiti televisyen yang mengetengahkan bakat belia daripada pelbagai bangsa di seluruh Malaysia;
- 2.2. Memupuk semangat perpaduan, warisan, hiburan dan kreativiti di kalangan belia;
- 2.3. Meningkatkan *visibility* mengenai program Rakan Muda di kalangan masyarakat melalui hebahan platform rancangan realiti televisyen dan penstriman dalam talian; dan
- 2.4. Menghasilkan kandungan berkualiti tinggi yang mampu menarik minat audiens di pelbagai platform media.

3. TEMPOH PELAKSANAAN

3.1. Tempoh pelaksanaan bagi Perkhidmatan Produksi, Penyiaran dan Publisiti Program Realiti Televisyen Rakan Muda adalah seperti di **Jadual 1**.

GARIS MASA/ KATEGORI	PRA PRODUKSI	PRODUKSI	PASCA PRODUKSI	PENYIARAN/ TAYANGAN
REALITI TELEVISYEN	4 bulan			1 bulan *Oktober 2025
EPIKOD	6 sorotan ringkas & 6 tayangan promosi	6 episod utama	6 sorotan ringkas	
TEMPOH KESELURUHAN KONTRAK	6 bulan			

Jadual 1: Cadangan tempoh kerja/ pelaksanaan Pra Produksi, Produksi dan Pasca Produksi bagi Perkhidmatan Produksi, Penyiaran dan Publisiti Program Realiti Televisyen Rakan Muda

4. SKOP PERKHIDMATAN

Perkhidmatan ini merangkumi;

4.1. Pra Produksi

4.1.1. Penghasilan konsep dan format rancangan realiti televisyen yang sesuai dengan tema 10 Gaya Hidup Rakan Muda.

4.1.2. Penyediaan skrip dan perancangan episod untuk tayangan;

- 4.1.3. Menyediakan sekurang-kurangnya enam (6) tayangan sorotan (*highlight*) dan enam (6) tayangan promosi/ hebahan ujibakat berdurasi 1 minit;
- 4.1.4. Membuat perancangan media bagi promosi program di platform media konvensional; dan
- 4.1.5. Membuat tempahan lokasi dan mendapatkan permit berkaitan penggambaran sepanjang pelaksanaan.

4.2. Produksi Utama

- 4.2.1. Mengadakan sesi uji bakat di seluruh semenanjung dan termasuk Sabah, Sarawak dan WP Labuan;
- 4.2.2. Pemilihan peserta daripada pelbagai kaum (Melayu, Cina dan India) termasuk pelbagai Etnik Borneo (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- 4.2.3. Mengutamakan penggambaran di lokasi luar bandar termasuk kawasan FELDA dan perkampungan orang asli adalah nilai tambah;
- 4.2.4. Menyedia serta menguruskan peserta dan krew produksi penginapan, makan & minum dan perkara berkaitan kebajikan;
- 4.2.5. Pelaksanaan kandungan cabaran dan modul aktiviti untuk peserta (menguji ketahanan fizikal dan mental);
- 4.2.6. Menyediakan sekurang-kurangnya enam (6) episod penuh berdurasi 60 minit; dan
- 4.2.7. Penghasilan sekurang-kurangnya enam (6) kandungan tambahan seperti "*behind-the-scenes*" sorotan, dan *teaser* berdurasi 5 minit setiap satu.

4.3. Pasca Produksi

- 4.3.1. Penyuntingan video untuk memastikan kualiti visual dan audio memenuhi piawaian penyiaran televisyen dan penstriman dalam talian;
- 4.3.2. Syarikat perlu mengutamakan jenama (*branding*) KBS dan Rakan Muda yang signifikan dalam setiap episod.

4.4. Pemasaran dan Promosi

- 4.4.1. Kempen di media sosial untuk menarik audiens dan mempromosikan inisiatif KBS;
- 4.4.2. Kolaborasi dengan selebriti, pengengaruh, dan *vloggers* untuk memaksimumkan tontonan;
- 4.4.3. Promosi program realiti dan video lagu Rakan Muda disiarkan merentasi pelbagai saluran media (televisyen, radio dan media digital) agensi berkenaan; dan
- 4.4.4. Video lagu Rakan Muda disiarkan sebelum program disiarkan dan semasa iklan komersial.

5. SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

5.1. Antara lain (8) golongan sasaran belia yang berpotensi menyertai Program Realiti Televisyen Rakan Muda:

- 5.1.1. Belia Bersekolah
- 5.1.2. Belia Pengajian Tinggi
- 5.1.3. Belia Berkerjaya
- 5.1.4. Perkumpulan Belia
- 5.1.5. Belia Massa
- 5.1.6. Belia Malaysia Antarabangsa
- 5.1.7. Belia Minoriti
- 5.1.8. Belia Berisiko

5.2. Jelajah Promosi berkaitan hebahan penganjuran program di 5 lokasi (Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Utara, Zon Borneo);

5.3. Hebahan media mengenai uji bakat dan kaedah penyertaan (Media platform televisyen & platform digital);

5.4. Pelaksanaan uji bakat/ kem pemilihan peserta yang telah disenarai pendek (Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Utara, Zon Borneo);

5.5. Kompilasi video latar belakang peserta/ sinopsis setiap episod (6 video untuk tayangan *teaser* dan promosi mingguan);

5.6. Tayangan waktu perdana untuk video/ promosi secara mingguan (Untuk capaian tontonan sehingga 5 juta penonton);

5.7. Rakaman sebanyak enam (6) episod penuh program [Episod 1 – 6 (akhir)];

5.8. Penyerlahan identiti KBS dan gaya hidup Rakan Muda dalam setiap episod, video promosi dan hebahan.

PERKHIDMATAN UTAMA	KETERANGAN	DESKRIPSI PERKHIDMATAN
Perkhidmatan Pemasaran dan Promosi berkaitan Program Realiti Televisyen Rakan Muda	Penyediaan kandungan promosi dan hebahan berkisar Program Realiti Televisyen Rakan Muda	<ul style="list-style-type: none"> ● 6 sorotan ringkasan uji bakat ● 6 tayangan promosi peserta ● Penglibatan dengan sekurangnya 10 pemegang taruh (pempengaruh, agensi berkaitan dan penggiat media). ● Syarikat perlu mengutamakan jenama (<i>branding</i>) KBS dan Rakan Muda yang signifikan dalam setiap episod.
Produksi, Rakaman dan Suntingan Video Episod Penuh dan Video Promosi Program Realiti Televisyen Rakan Muda	Penyediaan peralatan dan keperluan logistik/ teknikal/ kepakaran sepanjang produksi, rakaman dan suntingan	<ul style="list-style-type: none"> ● Tempoh pelaksanaan produksi (pra, semasa dan pasca) adalah maksima selama 4 bulan seperti mana Skop dan Spesifikasi dipersetujui.
Perkhidmatan Penyiaran dan Publisiti Program Realiti Televisyen Rakan Muda	Membekalkan dokumen Hak Tayangan (<i>Rights</i>) dan Akuan Pemilikan yang sah dan lengkap	<ul style="list-style-type: none"> ● Mendapatkan jumlah tontonan keseluruhan semasa waktu perdana sehingga 5 juta tontonan. ● Mencapai jumlah <i>engagement</i> 10 juta di media digital.

Jadual 2: Perkhidmatan Produksi, Penyiaran dan Publisiti Program Realiti Televisyen Rakan Muda

6. SENARAI SEMAK DOKUMEN

A. SENARAI SEMAK DOKUMEN TEKNIKAL

	Perkara/ Dokumen	Ditanda Syarikat	Ditanda oleh Urus Setia
1.	Kertas kerja cadangan (<i>Proposal</i>) – Cadangan metodologi, pendekatan (<i>approach</i>) Cadangan Ringkasan Eksekutif: i. Infrastruktur yang dicadangkan ii. Rekabentuk (<i>Architecture</i>) iii. Operasi iv. Pengurusan Risiko		
2.	Profil Syarikat yang lengkap		
3.	Salinan Sijil Kementerian Komunikasi yang masih dalam tempoh sah laku		
4.	Salinan Sijil Lesen FINAS berkaitan yang masih dalam tempoh sah laku		
5	Jadual Pengalaman Syarikat Bagi Tempoh 5 tahun (Penyerahan Spesifikasi/ Skop Penyampaian Kerja atau Lain-Lain Dokumen Sokongan Adalah Diwajibkan)		
6.	Carta Gantt Jadual pelaksanaan (jangkaan) projek (mingguan)		
7.	Carta Organisasi & Struktur Pasukan Projek		
8.	Senarai Ahli Pasukan Projek		
9.	Sila nyatakan maklumat terperinci bagi setiap ahli pasukan projek dan Persijilan Profesional Ahli Pasukan Projek (Jika Ada)		
10.	<i>Thumb drive</i> (Salinan digital bagi dokumen dan video/ gambar)		

- Pembida perlu mengemukakan Dokumen Teknikal dengan dilabel “CADANGAN TEKNIKAL RFP RM” pada penjuru kanan sampul dan dialamatkan kepada:

**KETUA SETIAUSAHA,
ARAS 2, MENARA KBS,
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
NO 27 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570 PUTRAJAYA
(u.p: CAWANGAN PEROLEHAN, JBSN)**

B. SENARAI SEMAK DOKUMEN KEWANGAN

Perkara/ Dokumen		Ditanda Syarikat	Ditanda oleh Urus Setia
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan Kod Bidang: 221301 (Pengeluaran Filem) 010504 (Filem Siap Untuk Tayangan)		
2.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih dalam tempoh sah laku		
3.	Borang Sebut Harga Yang Telah Diisi Dengan Lengkap (Termasuk Nilai Tawaran dan Tempoh Siap) dan Lengkap Ditandatangani		
4.	Penyata Bulanan Akaun Bank Yang Telah Disahkan oleh Pihak Bank (Asal) bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Disember 2024, Januari dan Februari 2025)		
5.	Jadual Tawaran Harga (Lampiran 1)		
6.	Jadual Pengalaman Syarikat dalam Bidang yang sama/ berkaitan (Penyerahan Salinan Surat Tawaran/ Surat Setuju Terima/ Dokumen Penilaian Kerja atau Lain-Lain Dokumen Sokongan Adalah Diwajibkan)		
7.	Borang Maklumat Syarikat		
8.	Surat Akuan Pembida		
9.	<i>Tax Compliance Certificate (TCC)</i>		
10.	Lain-lain Sekiranya Ada (Sila Catatkan)		
11.	<i>Thumb drive</i> (Salinan digital bagi dokumen dan video/ gambar)		

- **Pembida perlu mengemukakan Dokumen Kewangan dengan dilabel “CADANGAN KEWANGAN RFP RM” pada penjuru kanan sampul pada penjuru kanan sampul dan dialamatkan kepada:**

**KETUA SETIAUSAHA,
ARAS 2, MENARA KBS,
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
NO 27 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570 PUTRAJAYA
(u.p: CAWANGAN PEROLEHAN, JBSN)**

7. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

7.1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7.2. Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu bagi menyertai RFP ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7.3. Pemohon yang berminat menyertai RFP ini perlu mematuhi PK 1.6 (**Integriti dalam Perolehan Kerajaan**) dan PK 8 (**Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan**).

Sebarang pertanyaan berhubung pelawaan RFP ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti di berikut:

Nama pegawai	No. Telefon	Alamat
i. Puan Nur Amalina binti Holidi Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan, JBSN amalina@kbs.gov.my	03-8871 3752	Jabatan Belia dan Sukan Negara Aras 14, Menara KBS Kementerian Belia dan Sukan No 27, Persiaran Perdana, Presint 4
ii. Encik Mohamad Fadhlir Rahman bin Mohamad Nazir Bahagian Pembangunan Rakan Muda, JBSN fadhlir@kbs.gov.my	03-8871 3611	Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62570 Wilayah Persekutuan Putrajaya

LAMPIRAN 1**JADUAL TAWARAN HARGA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI
PERKHIDMATAN PRODUKSI, PENYIARAN DAN PUBLISITI PROGRAM REALITI
TELEVISYEN RAKAN MUDA**

Bil.	PERKARA	JUMLAH KESELURUHAN (RM) (*Termasuk CJCP 8% bagi Perkhidmatan)
1.	Perkhidmatan Pemasaran dan Promosi berkaitan Program Realiti Televisyen Rakan Muda	
2.	Produksi, Rakaman dan Suntingan Video Episod Penuh dan Video Promosi Promosi Program Realiti Televisyen Rakan Muda	
3.	Perkhidmatan Penyiaran dan Publisiti Program Realiti Televisyen Rakan Muda	
Jumlah Keseluruhan		

***Diisi oleh Pembida dan disertakan dalam Dokumen Sampul “CADANGAN KEWANGAN RFP RM”.**